

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUPAN PERLAWANAN BADMINTON PIALA PUSINGAN PERDANA
Lokasi : KANGAR, PERLIS
Tarikh : 30-10-1994

Sempurnalah sudah Perlawanan Badminton Piala Pusingan Perdana '94 dengan selamatnya hari ini. Saya melafazkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya kepada kita Badan-badan Kebajikan dan Tenaga Isteri-isteri peringkat Pusat dan Negeri. Semoga kita mendapat restu-Nya sehinggalah selamat kita pulang ke rumah masing-masing, insya-Allah.

2. Perlawanan Persahabatan Badminton ini wujudnya pada tahun 1985 oleh BAKTI dengan objektif utama mengumpulkan isteri-isteri pemimpin-pemimpin negara dan negeri-negeri di tanahair supaya berkenalan dan bermesra di antara satu dengan yang lain, baik secara individu atau berpasukan.

Objektif penting yang kedua ialah mengalakkan isteri-isteri bermain badminton supaya segar, sihat dan berkebolehan untuk bertanding secara persahabatan.

3. Kedua-dua objektif ini pada permulaan sukar dilaksanakan kerana tiada pemain, tiada gelanggang, tiada jurulatih dan manakala diadakan majlis jamuan, ahli-ahli berpuak-puak di meja mengikut negeri-negeri hingga menimbulkan kurang kemesraan. Syukur alhamdulillah, keadaan beransur baik tahun demi tahun dengan adanya minat dan semangat kesukanan daripada sebahagian ahli-ahli Badan Isteri-isteri yang bermain berterusan sepanjang tahun. Masalah yang terbesar sekali berkenaan dengan mendapatkan pemain-pemain ialah ahli-ahli Badan Isteri-isteri ini bertukar ganti. Tahun demi tahun, pemain tahun 1985 meningkat umur; mana yang berumur 35 tahun dahulu sekarang berumur 43, kira sahajalah sendiri ahli-ahli yang bermula bermain pada umur 45 tahun atau 50 pada tahun 1985, dengan umur mereka sekarang!

4. Selain daripada umur yang sedang meningkat, ambillah kira pula berat badan yang sama 'parallel' meningkat! 5. Lapisan pengganti utama pasukan bukan tidak ada. Dengan wujudnya pemimpin-pemimpin negara dan negeri yang baru, wujudlah sepatutnya ahli-ahli badminton antara isteri mereka. Ada yang amat berminat tetapi manakala hampir pertandingan mereka hamil. Terlepaslah dia! Ada yang ingin menyertai, tetapi tidak diizinkan oleh suami bergaul dalam aktiviti Badan-badan Kebajikan dan Tenaga Isteri-isteri. Terlepas jua mereka! Kesimpulannya, Badan Isteri-isteri seringkali tidak dapat peserta-peserta yang lengkap untuk diadakan satu Pasukan Badminton.

6. Oleh kerana inilah, Penganjur membenarkan dari tahun 1985 - 1992 Pasukan Negeri-negeri menjemput empat suri bukan ahli Badan Isteri-isteri sebagai memenuhi ahli pasukan masing-masing. Pada tahun lalu, peraturan ini dihapuskan juga kerana masalah menentukan syarat-syarat yang melibatkan suri-suri jemputan.

7. Penganjur Perlawanan Persahabatan telah mengadakan peraturan-peraturan perlawanan badminton tahunan yang sentiasa dikaji dan diubahsuai supaya objektif-objektif Perlawanan Persahabatan ini tercapai. Pemain-pemain pasukan mesti terdiri daripada isteri-isteri pemimpin-pemimpin politik Kerajaan Barisan Nasional sahaja dan disyaratkan umur mereka tidak kurang daripada 35 tahun. Syarat ini dibuat supaya objektif perlawanan tercapai dan supaya adil bagi semua pasukan.

8. Pada masa dahulu, pasukan yang menyertai perlawanan persahabatan ini sering tidak cukup 14 pasukan kerana berbagai-bagai sebab; tidak ada cukup pemain-pemain atau tidak layak menyertai kerana tidak memenuhi syarat-syarat peraturan.

9. Pada tahun ini, kesemua negeri di bawah Kerajaan Barisan Nasional turut hadir. Saya mengalu-alukan penyertaan semula pasukan badminton dari Sabah dan Johor yang kita tunggu dengan penuh kesabaran untuk kembali semula.

10. Pada tahun 1990, Sabah telah menawarkan diri sebagai tuan rumah dan telah bersiap-sedia untuk perlawanan pada bulan Oktober tahun itu. Malangnya, perlawanan itu terpaksa dibatalkan kerana

Kerajaan yang memerintah ketika itu berpaling tadah dan menjadi kerajaan parti lawan. Kali ini kita menyambut semula pasukan dari Sabah yang bergelar BAKISA yang diketuai oleh Yang Amat Berbahagia Puan Sri Rukaiyah. Selamat datang dan syabas kepada BAKISA. Kami berharap penyertaan saudara-saudari akan terus berkekalan dengan kami semua.

11. Saya ucapkan juga selamat kembali ke Perlawanan Persahabatan Badminton kepada pasukan Negeri Johor yang diketuai oleh Y.A.Bhg. Puan Sri Norainee Abd Rahman, isteri kepada Y.A.B. Menteri Besar Johor. Negeri Johor pernah menyertai Perlawanan ini pada tahun-tahun permulaan di bawah nama MAWAR. Oleh kerana MAWAR tidak memenuhi syarat utama dalam peraturan iaitu pemain-pemain mesti terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin politik Kerajaan Barisan Nasional, majlis memutuskan bahawa MAWAR tidaklah layak menyertai perlawanan persahabatan ini sehingga ia memenuhi syarat-syarat peraturan. Syukur alhamdulillah, Y.A.B.

Menteri Besar Negeri Johor telah bersetuju dan mengalakkan penubuhan sebuah badan wanita baru yang bergelar JUITA, ringkasan bagi Badan Amal dan Tenaga Isteri-isteri Johor. Terima kasih dan syabas, JUITA.

12. Adalah menjadi harapan dan doa kita semua agar Negeri Kelantan akan kembali mengikuti jejak Sabah, insya-Allah, kerana saya tahu ramai wanita di sana berminat dan ingin bermain badminton. Sabar-sabarlah dan kami menunggu sahaja.

13. Perkembangan badminton antara isteri-isteri adalah nyata. Sekarang semangat bermain badminton berkobar-kobar. Hampir dekat tarikh perlawanan, lebih meningkat minat berlatih hinggakan latihan setiap hari diadakan. Perlawanan persahabatan sebagai ujian kebolehan masing-masing diatur secara perlawanan zon dan bersegi-segi. Zon utara empat segi. Zon Tengah tiga segi dan empat segi berkali-kali diadakan. Saya berasa bangga atas usaha pengerusi-pengerusi sukan masing-masing mengaturkan perlawanan-perlawanan ini untuk menyamakan taraf pemain masing-masing. Dalam setiap perlawanan, tidak lagi bergantung kepada kecergasan dan kepintaran pemain tetapi lebih lagi bergantung kepada strategi kedudukan pemain-pemain di dalam senarai permainan.

Ini akan menunjukkan betapa bijaknya pengurus-pengurus setiap pasukan.

14. Pada tahun ini, ramai ketua pasukan tidak dapat turun ke gelanggang bermain bersama-sama pasukan masing-masing. Ini amat mendukacitakan tetapi majlis terpaksa menerima keputusan-keputusan mereka yang kebanyakannya cedera sewaktu atau selepas bermain badminton sebelum hari ini.

Insya-Allah, pada tahun 1995 semua ketua pasukan akan menyertai semula seperti dahulu. Bagi diri saya, badminton adalah kegemaran saya dan ianya adalah suatu sukan yang boleh menyegarkan tubuh badan saya. Tetapi oleh kerana saya mengidap sakit lutut, saya terpaksa undur diri buat sementara. Kalau Rashid yang berumur 25 tahun boleh undur diri buat sementara, takkanlah yang berumur 60 han tidak boleh berbuat sedemikian!

15. Bagi ketua-ketua yang cedera, saya berharap mereka beransur pulih dengan sempurna untuk bertanding pada tahun hadapan.

16. Seperti yang disaksikan dalam tiga hari yang lalu, pemain-pemain menunjukkan minat dengan bersungguh-sungguh bermain dan meningkatkan mutu permainan mereka. Ini amat mengalakkan dan diharapkan ianya berterusan. Benar kita tidak akan setanding dengan juara-juara badminton kebangsaan. Itu bukan tujuan kita malahan jika tercapai setakat satu per tiga kebolehan mereka pun sudah cukup kita berjaya. Ini telah pun kita saksikan sebentar tadi. Ada yang lebih handal daripada yang tertua sekali pemain wanita kebangsaan kita. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

17. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Johan Perlawanan Piala Pusingan Perdana iaitu di atas kegigihan dan kecergasan mereka yang membawa mereka kepada kejayaan yang cemerlang.

18. Kepada Naib Johan dan yang lain-lain, saya mengucapkan syabas juga kerana mencuba dan terus mencuba tanpa berputus asa. Kali ini kita gagal, hari esok kita akan menang.

19. Bagi pihak semua pasukan yang menyertai perlawanan tahunan ini, dan bagi diri saya sendiri, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada:

1) Y.A.Bhg. Puan Sri Hajah Elham, Yang di-Pertua dan Ketua Pasukan Badminton BAIDUNITA kerana telah mengelolakan perlawanan ini sebagai tuan rumah dengan begitu jayanya dan sempurna. Bukan mudah bagi Negeri Perlis mengelolakan suatu perjumpaan seperti ini tetapi BAIDUNITA menawarkan diri dan hasil kecemerlangan mereka terbukti sudah. Syabas dan terima kasih.

2) Kepada Y.A.B. Tan Sri Dr. Haji Abdul Hamid, Menteri Besar Perlis dan Kerajaan beliau atas sambutan dan kerjasama erat membantu BAIDUNITA mencapai kejayaan sebagai tuan rumah. Inilah bukti yang terang dan jelas bagaimana suami isteri, Kerajaan dan badan sukarela boleh bersepakat untuk mencapai kejayaan. Tahniah dan terima kasih.

3) Penghargaan kepada pegawai-pegawai sukan negeri yang turut membantu dalam pengurusan perlawanan badminton menyediakan umpire and linesmen.

4) Ketua-ketua Pasukan dan Pemain-pemain.

5) Kepada Y.A.B. Perdana Menteri kerana melapangkan masa memberi kehormatan kepada Badan-badan Kebajikan dan Tenaga Isteri-isteri.

20. Akhir kata, saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana majlis kita akan berakhir sebentar lagi. Semoga majlis dan perjumpaan kita terus diredai Allah dan sentiasa memperingati kita semua bahawa tujuan asas kita ialah mengeratkan silaturahim melalui sukan badminton.

Insyaa-Allah, kita akan berjumpa semula pada tahun 1995 di Negeri di mana (nama badan) telah menawarkan diri sebagai tuan rumah. Syabas dan terima kasih,

21. Sementara itu, diharap perlawanan persahabatan peringkat negeri, zon dan lain-lain segi berterusan supaya minat dan kecergasan kita semua tidak malap dan padam, sebaliknya bernyala-nyala dan berkobar-kobar seperti lagu badminton kita.

22. Semoga kita semua pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamatnya.

Sekian, terima kasih. Wassalam.
